# PELITA BRUNEI

**AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 33 RABU 15HB. OGOS, 1973 رابو 16 رجب 1393 PERCHUMA




D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat merasmikan pembukaan bangunan Rumah Britannia di-Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Keberangkatan Baginda ka-upachara itu telah disambut oleh Pengerusi Inchecape Berhad, Awg. A.A. Webster dan pegawai2 Sharikat Borneo dan Chartered Bank.

Duli Yang Maha Mulia merasmikan bangunan itu dengan memotong riben dengan menggunakan gunting emas dan membuka tirai penutup dinding batu peringatan.

Rumah Britannia ia-lah bangunan pejabat2 perniagaan yang di-bina oleh Brunei Properties Berhad yang di-anjorkan bersama oleh Sharikat Borneo dan Chartered Bank dan menelan belanja kira2 $1½ juta.

Turut hadhir di-upachara itu ia-lah T.Y.T. Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautry; D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M.; Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Ag. Isa; Y.A.B. Pmk. Menteri Besar; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Wazir2; Yang Amat Mulia Cheteria2; Pengiran2 dan Pehin2 serta pegawai2 kanan kerajaan.

**Gambar atas:** Duli Yang Maha Mulia ketika membuka tirai batu peringatan perasmian bangunan tersebut.

## D.Y.M.M. memperkenankan tapak bagi pembinaan stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah memperkenankan chadangan Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium untok menetapkan tapak bagi pembinaan stadium itu di-satu kawasan yang berdekatan dengan Kolam Bernang di-Bandar Seri Begawan.

Demikian telah di-nyatakan oleh Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamad Jamil Al-Sufri pada minggu lalu.

**(Lihat muka 8)**

# Negara memerlukan tenaga terlateh

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Negeri Brunei dalam proses pembangunan-nya ada-lah berkehendakan tenaga2 yang terlateh dan berkebolehan yang terdiri di-kalangan raayat-nya sendiri untok mengendalikan-nya.**

**Pembangunan negara tidak akan dapat berjalan lanchar dan menchapai kapada matalamat-nya jika raayat tidak mempunyai kesedaran untok berkechimpong sama di-dalam-nya.**

Demikian telah di-sabdakan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam satu majlis merai'kan penuntut2 Brunei di-United Kingdom baru2 ini yang berlangsong di-Rumah SERIGODAM.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar bersabda, raayat yang lengkap dengan ilmu pengetahuan yang tinggi dengan di-sertai oleh pembawaan dan semangat ingin membangun ada-lah memegang teraju yang utama dan di-harapkan akan dapat membawa Brunei benar2 sa-bagai negara yang membangun.

Perkara ini, sabda Yang Amat Mulia lagi, ada-lah perlu di-fahami oleh semua gulongan pelajar di-negeri ini, khas-nya yang telah, sedang dan akan melanjutkan pelajaran di-seberang laut.

Yang Amat Mulia itu bersabda, penuntut2 yang melanjutkan pelajaran di-luar negeri, bukan saja di-harapkan akan membawa pulang ilmu pengetahuan yang tinggi, tetapi juga sa-chara tidak langsong ada-lah merupakan wakil Brunei yang akan dapat menyemarakan imej negara mereka yang berSultan, beradat-lembaga dan berpegang tegoh kapada ajaran2 Islam yang di-jadikan sa-bagai ideologi negara ini.

Pada menghadapi sebarang kesulitan, Yang Amat Mulia itu menasehatkan penuntut2 Brunei di-United Kingdom supaya menghadapkan kesulitan2 mereka itu kapada wakil Brunei di-sana, siapa yang telah di-berikan tanggongjawab untok memanjangkan perkara2 yang menjadi kemuskilan mereka itu kapada Kerajaan Brunei.

Yang Amat Berhormat itu seterus-nya mengingatkan mereka bahawa ada-lah perkara yang tidak perpatutan, jika penuntut2 itu mendedahkan kesulitan2 mereka kapada saloran2 yang tidak

**(Lihat muka 8)**

## *Penuntut2 di-ingatkan supaya menanamkan semangat keBruneian yang sa-jati*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri telah mengingatkan penuntut di-United Kingdom dan diluar negeri supaya senentiasa menanamkan semangat keBruneian yang sa-jati walau di-mana2 mereka berada sekali pun.

Yang Berhormat itu juga berharap penuntut2 tersebut jangan-lah terpengaroh dari apa2 anasir luar sa-lain dari mempelajari ilmu pengetahuan yang di-tugaskan kapada mereka menurut jurusan yang di-tentukan.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja memberikan nasehat itu dalam satu majlis perkumpolan penuntut2 Brunei yang belajar di-luar negeri yang berlangsong di-Dewan Raya di-sini pada hari Sabtu lepas.

Yang Berhormat itu berkata, dalam masa menuntut, sudah tentu banyak menghadapi berbagai chabaran dan dugaan, maka hal yang sa-demikian ini-lah di-ingatkan oleh Yang Berhormat itu supaya mereka berhati2 akan menumpukan masa kapada mata pelajaran yang di-tuju oleh mereka.

Menyentoh tentang apakah sebab-nya penuntut2 senentiasa

*(Lihat Muka 8)*

**SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM**

# PEMENANG2 PERADUAN SENILUKIS KEBANGSAAN BRUNEI PERTAMA

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Awangku Omar bin Pengiran Salleh dari Pejabat Pos, Seria telah berjaya memenangi hadiah kedua dan ketiga dalam Peraduan Senilukis Kebangsaan Brunei Yang Pertama kumpulan 'A'. Beliau memenangi hadiah wang tunai sa-banyak $250.00 bagi hadiah kedua dan $150.00 bagi hadiah ketiga.**

Awangku Jasni bin Pengiran Apong, dari Radio Brunei yang mendapat markah yang sama juga memenangi hadiah ketiga dan menerima wang tunai sa-banyak $150.00.

Pemenang kedua dalam kumpulan 'B' dan menerima wang tunai $250.00 jatoh kapada Awangku Mohammad bin Pengiran Duraman dari Dewan Bahasa dan Pustaka dan pemenang ketiga wang tunai sa-banyak $150.00 di-menangi oleh Pengiran Abdul Razak bin Pengiran Haji Chuchu dari Sekolah Pertukangan Kuala Belait.

Setia Usaha Peraduan Seni Lukis Kebangsaan Brunei Pertama 1973, Awang Abdul Wahid bin Hussain menerangkan bahawa hadiah pertama $500.00 bagi kumpulan 'A' dan 'B' dalam peraduan itu terpaksa di-tiadakan kerana hakim2 berpendapat lukisan2 tersebut belum sampai kapada taraf yang di-kehendaki.

Awang Abdul Wahid berkata, hakim2 sa-bulat suara berpendapat bahawa hadiah pertama bagi kedua2 kumpulan berjumlah $1,000.00 di-bahagikan kapada 12 buah lukisan yang di-pileh untok hadiah2 penghargaan.

Kumpulan "A" mendapat hadiah penghargaan masing2 $70.00 sa-orang. Mereka ia-lah Awang Baharuddin bin Abdul Wahid, Che'gu Abdul Wahid bin Penyurat Haji Abu Bakar, Pengiran Shahbuddin bin Pengiran Hj. Tengah, Awangku Bungsu bin Pengiran Zakiah dan Awang Woo Po Chuen.

Kumpulan 'B' yang mendapat hadiah penghargaan masing2 $70.00 sa-orang. Mereka ia-lah Awang Rosli bin Omar, Awangku Metussin bin Pengiran Tuah, Awangku Omar bin Pengiran Salleh sementara Awang Osman bin Mohamed dan Awangku Mohamed bin Pengiran Duraman masing2 mendapat dua hadiah berjumlah $140.00.

Hakim2 yang menghakimkan peraduan itu ia-lah P.A. Asmalee, Awang Tom Butcher, Dayang Margaret Chong, Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim dan Awg. Ibrahim bin Haji Mohamed.

Lebeh dari 200 buah lukisan telah di-hakimkan dan lukisan2 itu akan di-pamerkan kapada orang ramai sa-lama sa-minggu mulai 22hb. Ogos ini di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka.

# *Pertunjokan pertanian Daerah Tutong*

TUTONG. — Jabatan Pertanian, Tutong akan mengadakan Pertunjokan Pertanian kali ka-V, pada 25hb. Ogos, 1973 bertempat di-Sekolah Melayu Lamunin, Tutong.

Pengerusi Pertunjokan, Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman menyeru orang ramai terutama sekali petani2 dan pendudok2 Daerah Tutong supaya menyertai pertunjokan tersebut dan menghantar berjenis2 tanaman hasil usaha sendiri saperti padi, beras, jagong, sayor2an, buah2an, ubi2an dan termasok binatang ternakan kerbau, lembu, kambing, ayam telor dan lain2 dan berjenis2 perusahaan kampong saperti anyam2-an, getah, ubi kering, tepong ubi dan minyak kelapa.

Beliau berkata barang2 yang akan di-pertunjokan itu mesti-lah mempunyai mutu dan barang2 yang tidak bermutu saperti berpenyakit chachat dan lain2 tidak akan di-terima.

Barang2 yang hendak di-pertunjokan itu hendak-lah di-hantar ka-Sekolah Melayu Lamunin, Tutong pada hari Jumaat 24hb. 1973 mulai jam 7.30 pagi hingga 6.00 petang, kechuali sayor2an jenis daun dan seumpama-nya boleh-lah di-hantar pada 25hb. Ogos, 1973 tidak lewat dari jam 7.30 pagi.

Kenderaan untok membawa barang2 pertunjokan dan binatang2 ternakan saperti kerbau, lembu ada-lah di-sediakan oleh jawatankuasa pertunjokan.



**MUKIM Muara telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan bola sepak antara mukim2 di-Daerah Brunei-Muara sa-telah mengalahkan pasokan mukim Berakas dengan dua gol tidak berbalas dalam perlawanan akhir yang telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan minggu lalu.**

**Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh jawatankuasa kechil sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi mera'ikan hari keputeraan Baginda yang ke-27 tahun. Perlawanan itu juga ada-lah bagi merapatkan lagi tali silatulrahim antara pendudok2 mukim di-daerah tersebut.**

**Gambar atas: Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong Haji Mohammad ketika menyampaikan oskar pusingan yang di-hadiahkan oleh Awang Hapidz Laksamana kapada ketua pasokan Mukim Muara, Awangku Yunus bin Pengiran Besar.**

# 13 hadhiri kursus sains fizik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 13 orang guru sains fizik sedang menghadhiri kursus sains Nuffield Tulin dalam mata pelajaran Fizik Baru di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran itu telah di-hadhiri oleh guru2 dari Sekolah2 Menengah atas aliran Melayu dan Inggeris Kerajaan dan Sekolah Menengah Misi dan akan tamat pada 20hb. Ogos ini.

Kursus itu di-kelolakan oleh sa-orang Pakar Fizik dari United Kingdom Awang Geoffrey Clarke serta di-bantu oleh Pegawai2 dari Pusat Sains Jabatan Pelajaran, Awang D.R. Rawlins dan Awang Aliadin Rashid.

Kursus kedua sa-lama 10 hari dalam siri sains Nuffield bagi mata pelajaran Kimia Baru akan di-mulai pada 18hb. Ogos ini di-Maktab SOAS yang akan di-hadhiri oleh 14 orang guru2 sains Kimia dari Sekolah2 Menengah atas.

Ia-nya akan di-kelolakan oleh sa-orang pakar Kimia dari United Kingdom Dr. Gordon Van Praagh.

Kursus ketiga yang akan di-adakan di-tempat yang sama dalam pelajaran Kaji-hayat akan di-mulai pada 27hb. Ogos hingga 8hb. September untok sa-ramai 15 orang guru2 Kaji-hayat yang akan menghadhiri kursus itu.

Kursus tersebut di-kelolakan oleh sa-orang pakar Kaji-hayat dari United Kingdom, Awang Colin Wood-Robinson.

Sementara itu, sa-orang juruchakap di-Jabatan Pelajaran menegaskan bahawa Jabatan Pelajaran telah mengundang tiga orang pakar sains dari Jabatan Pelajaran Scotland untok memberi kursus sains paduan untok sa-ramai 26 orang guru sains muda di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara sa-lama 20 hari dalam bulan Julai lalu.

Pakar2 sains dari Jabatan Pelajaran Scotland itu ia-lah Awang T.I. Morrison sa-bagai ketua, Awang J.R. Barr dan Awang J.C. Weatherley.



**SEKOLAH Menengah Melayu SMJA. Bandar Seri Begawan telah mengadakan perlumbaan rentas desa-nya yang pertama baru2 ini. Perlumbaan itu ada-lah salah satu projek tahunan Badan Sukan dan Olahraga sekolah tersebut.**

**Awang Mohiddin bin Alim berjaya mendapat tempat pertama dalam bahagian lelaki dan Dayang Rosni binte Zaidah tempat pertama bahagian perempuan.**

**Manakala Rumah Berambang telah menjadi johan kumpulan antara rumah2.**

**Gambar atas: pasokan Rumah Berambang bergambar ramai.**

# IKERAB anjorkan perlawanan pingpong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ikatan Persatuan Belia Bunut — IKERAB akan menganjorkan perlawanan pingpong kali yang ketiga dalam bulan September hadapan.

Perlawanan tersebut ada-lah sabagai sempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-27 tahun bagi Daerah Brunei-Muara.

Perlawanan tersebut ada-lah terbuka kapada persatuan2 belia dan kebajikan, sekolah2 menengah dan kelab2 yang berdaftar di-seluroh negeri.

Bayaran pendaftaran untok menyertai perlawanan itu ia-lah $10.00.

Tiap2 persatuan belia/kebajikan, sekolah2 menengah dan kelab2 boleh menghantar tidak lebeh dari dua pasokan.

Perlawanan tersebut akan di-mulakan pada 2hb. September di-Pusat Belia.

Borang2 dan sharat2 lanjut berhubong dengan perlawanan itu boleh di-dapat dari Ag. Hj. Seruji bin Muhammad, di-Jabatan Kerja Raya; Awang Muhammad bin Hidup, di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Awang Adanan bin Md. Salleh, di-Dewan Bahasa dan Pustaka. Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 27hb. Ogos, 1973.

**Kemuliaan sa-seorang itu bukan kerana kekayaan-nya, ramai amah dan orang surohan-nya, indah rumah-nya dan tinggi pangkat-nya.**

# Kemuliaan boleh di-dapati dari hasil amal bakti

## KHUTBAH JUMA'AT

KEMULIAAN sa-seorang itu ada-lah boleh di-dapati oleh sa-seorang dari hasil amal bakti, jihad dan kemuliaan jiwa-nya dengan chara menjauhi perkara2 kejahatan baik sa-chara terang2 atau sembunyi2. Kerana itu pernah di-katakan bahawa barang siapa yang melakukan sa-suatu perbuatan sa-chara sembunyi2 sedangkan dia malu melakukan-nya di-hadapan umum, maka jiwa-nya tiada-lah mempunyai nilai yang berharga, kerana jiwa yang benar2 mempunyai nilai yang berharga ada-lah senentiasa bersedia pada bila2 masa dan tempat menjauhi perkara2 yang haram dan dosa. Tiada di-biarkan diri-nya terdurong melakukan perkara2 yang tidak layak bagi-nya, tiada bersedia menulong orang kuat yang menindas orang yang lemah dan tiada sedia melakukan perkara2 yang boleh menjejaskan sebutan dan nama baik-nya. Kerana kemuliaan jiwa itu mendurong-nya menghormati dan memuliakan jiwa tadi jangan sampai melakukan perbuatan yang boleh menjatohkan meruah dan menurunkan nilai ketinggian-nya.

Kemuliaan sa-seorang itu bukan-lah kerana kekayaan-nya, bukan-lah kerana ramai amah dan orang surohan-nya, bukan kerana mempunyai rumah yang tersergam indah dan bukan kerana menyandang pangkat yang tinggi, bahkan kemuliaan itu ada-lah dalam bentok menghias diri dengan akhlak yang mulia dan sopan santun yang terpuji, serta menjauhi akhlak yang burok dan perangai yang keji, ketahui-lah bahawa Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

**"Sesunggoh-nya aku di-utus ada-lah untok menyempurnakan kemuliaan akhlak".**

Semua-nya itu tidak akan dapat di-chapai melainkan bagi orang yang bersedia menghias diri-nya dengan akhlak yang mulia dan perangai yang terpuji, bagi orang yang memohon pertulongan hanya kapada Allah dan segala hajat dan keperluan bagi orang yang kekayaan-nya terletak kapada kekayaan jiwa-nya, k e b a h a g i a a n-nya hanya pada keredhaan Tuhan-nya, sikap-nya tiada tamak kapada apa yang ada pada orang lain, bekalan-nya bershukor dan berpada dengan kuriaan Allah kapada-nya, pegangan hidup-nya ia-lah taqwa kapada Allah dan kemuliaan-nya di-ambil-nya dari kemuliaan Allah yang maha mulia lagi bijaksana. Barang-siapa berkehendakan kemuliaan yang sebenar2-nya, maka hendak-lah dia ta'at kapada Allah yang bersifat mulia, sedangkan kemuliaan itu ada-lah bagi Allah semata2. Allah memuliakan sa-siapa yang di-sukai-nya dan menghina-nya sa-siapa yang di-kehendaki, sesunggoh-nya Allah itu maha berkuasa di-atas tiapa2 sa-suatu.

Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

**"Siapa yang berkehendakan menjadi mulia maka hendak-lah dia bertawakal kapada Allah, siapa yang berkehendakan menjadi kuat, maka hendak-lah dia bertawakal kapada Allah, dan siapa yang berkehendakan menjadi kaya, maka hendak-lah dia lebeh percha-ya dengan kekayaan Allah lebeh daripada apa yang ada pada diri-nya".**

Dengan demikian, maka mari-lah kita bersama2 berusaha menghias diri dengan sifat2 yang mulia dan sopan santun yang terpuji serta menjauhi sifat2 yang rendah dan perangai yang keji kerana kemuliaan yang sebenar2-nya bukan kerana harta banyak dan pangkat yang tinggi bahkan ia-lah kerana taqwa dan mulia budi-pekerti bersedia dan patoh menjunjong titah perentah illahi sama ada di-khalayak ramai dan di-tempat2 yang tersembunyi.

## J/K Peraduan Quran di-bentok

KUALA BELAIT. — Sabuah Jawatankuasa Kerja Peraduan Membacha Quran orang2 dewasa bagi Daerah Belait telah di-bentok dalam satu mashuarat yang telah di-adakan baru2 ini.

Majlis itu telah melantek Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar sa-bagai Penaong dan Penasehat jawatankuasa itu.

Kadzi Daerah Belait, Abang Haji Razali bin Haji Zainuddin di-lantek sa-bagai Pengerusi; Penolong Pegawai Daerah, Awang Yahya bin Haji Haris sa-bagai Timbalan Pengerusi; Awang Mohammad bin Gemok sa-bagai Setia Usaha dan Awang Zarkashi bin Haji Mohammad Yusof sa-bagai Pengawas Umum.

Imam Awang Zainal bin Idris telah di-lantek sa-bagai Pengerusi bagi kawasan Belait Satu dan Ag. Masri bin Abon selaku Pengerusi bagi kawasan Belait Dua.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa itu menyatakan, peraduan membacha Quran perengkat Daerah Belait akan di-adakan di-padang KBRC pada 1hb. September hadapan.



## Dua orang memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis pengislaman bagi dua orang perempuan China telah di-adakan di-bilek Penguasa Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal-Ehwal Ugama baru2 ini.

Mereka yang memelok ugama Islam itu ia-lah Dayang Chuah Lay See yang sekarang di-kenali sa-bagai Dayang Mariati binte Abdullah dan Dayang Heng Jee Num yang mengambil nama Dayang Suzana binte Abdullah.

Majlis pengislaman itu telah di-laksanakan oleh Pegawai Mubaligh Kanan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila Dato Seri Utama Awang Haji Ismail.

Majlis itu telah di-saksikan bersama oleh Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awang Haji Abdul Aziz Juned dan Setia Usaha Penerangan dan Tabligh.

**Gambar atas: Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila Dato Seri Utama Awang Haji Ismail ketika mengislamkan Dayang Chuah Lay See. Gambar JHEU/BP.**

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15hb. Ogos, 1973 hingga ka-hari Selasa 21hb. Ogos, 1937 ada-lah saperti di-bawah ini:–*

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15hb. Ogos | 12-29 | 3-47 | 6-38 | 7-49 | 4-43 | 4-58 | 6-16 |
| 16hb. Ogos | 12-29 | 3-47 | 6-37 | 7-48 | 4-43 | 4-57 | 6-16 |
| 17hb. Ogos | 12-29 | 3-47 | 6-37 | 7-48 | 4-43 | 4-57 | 6-16 |
| 18hb. Ogos | 12-29 | 3-47 | 6-37 | 7-48 | 4-43 | 4-57 | 6-16 |
| 19hb. Ogos | 12-29 | 3-47 | 6-37 | 7-48 | 4-43 | 4-57 | 6-16 |
| 20hb. Ogos | 12-29 | 3-47 | 6-37 | 7-48 | 4-43 | 4-57 | 6-16 |
| 21hb. Ogos | 12-27 | 3-45 | 6-35 | 7-46 | 4-42 | 4-57 | 6-15 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.*

# KENYATAAN PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA
No. 13/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Omar Ali bin Abd. Rahman, Lot No. 3106, Kg. Pandan, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lepah binte Omar Inche yang meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei. dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 21 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 24/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Matniah bin Burot, Drilling, Cementing, B.S.P. Co. Ltd., Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hamdan bin Matniah yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ayah kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 21 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 25/1973

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh 1. Lee Yun Sai @ Lee Yun Chai 2. Lee Yun Fak, Lot No. 1257, Jalan Sg. Pandan, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lee Shui yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak2 kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 21 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 26/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Norhayah binte Abdul Karim, Barek No. 322-C, Jalan Paduka Tuan, K. Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Sulaiman bin Matassan yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 21 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 27/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Chen Yuet Ying, Lot No. 2619, Seria kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Chiew Chong yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah saudara sa-pupu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 21 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 28/197. 3

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Fong Choh Yee, Lot No. 2575, Jalan Panglima, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Liau Nyuk Yin yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 21 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 29/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Madam Tang Moi Kim, Jalan Bunga Raya, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Wong Dik Lee yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 21 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 30/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Wong Hee Nam, No. 64, Jalan Bunga Kenanga, Seria kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Wong Thin Seng yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak saudara kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 21 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Ogos, 1973.

**ALI BIN MOHD. DAUD**
**Tim. Pegawai Penguasa Warith,**
**Negeri Brunei.**

SURAT KUASA PESAKA
No. 85/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Ibrahim bin Haji Hussin @ Haji Metussin, Kg. Sungai Kianggeh Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Metussin @ Haji Hussin bin Abdullah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 75/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ag. Mohd. bin Buntar @ Ag. Besar, Kampong Tamoi Tengah Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Damit bin Buntar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 76/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ahmad bin Sulaiman, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan, Sultan (Jalan Muara) kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Kula bin Usman @ Othman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**
**Pegawai Penguasa Warith,**
**Negeri Brunei.**

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

## SURAT KUASA PESAKA
No. 83/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Sisa bin Ibrahim, (Judin) Kampong Subok, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Brahim @ Berahim @ Ibrahim bin Munap yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 72/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Rendah bin Ishak, d/a Kampong Pudak Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Serbanun bin Matamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 73/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tangah bin Hassan @ Tengah bin Hassan, Kg. Pudak, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hassan bin Matamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 77/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Midah bte. Lakat, No. 33 Kampong Batu Marang Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Rukayah binte Durahim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah emak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 78 1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Midah bte. Lakat, No. 33 Kampong Batu Marang Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Haslina bte. Durahim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah emak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 82/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siti Fatimah bte. Osman, c/o Awg. Sablee bin Haji Matussin, Dewan Bahasa dan Pustaka BSB, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hussin bin Razak yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 80/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Amit bte. Ladah @ Dy. Kupah, No: 68 Kg. Tanah Jambu c/o Metusin bin Bagol Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Bagol bin Jaka @ Bagul yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 81/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jalil @ Muhammad bin Ja'afar @ Japar P.O. Box No: 1203 Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ja'afar bin Jalil @ Japar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 79/1973.

Bahawa Permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Anggas bin Haji Dollah, Kg. Kati Mahar Batu 13 Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dullah bin Japar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 71/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ahmad bin Tarip d/a Kampong Pudak Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Jabaidah bte. Tamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 84/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Surah bte. Metussin, Kg. Pekilong Muara No: 159 Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Metussin bin Puteh yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sbab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 18 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

## SURAT KUASA PESAKA
No. 31/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Kudi bin Randah, No. 320, Kampong China, Jalan Samaun, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Taisah binte Bakir yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 25 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Ogos, 1973.

**ALI BIN MOHD. DAUD**
**Tim. Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.**

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## Pegawai Luar, Pejabat Daerah Belait

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Pegawai Luar di-Pejabat Daerah, Belait.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Mereka hendak-lah mengetahui sabanyak sedikit mengenai kampong2 di-pendalaman dan sanggup untok bertugas di-kawasan2 pendalaman.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Oktober, 1973.

## Di-Daerah Temburong

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Pegawai Luar di-Pejabat Daerah, Temburong.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman berkenaan kerja2 luar dan boleh membuat laporan dan rekabentok yang mudah.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Oktober, 1973.

## Di-Daerah Brunei/Muara

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Pegawai Luar di-Pejabat Daerah, Brunei dan Muara.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman berkenaan kerja2 luar dan boleh membuat laporan dan rekabentok yang mudah.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Oktober, 1973.

## Sa-bagai Posmen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Posmen di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang lulus dalam matapelajaran bahasa Inggeris.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — $200x5-260/EB/270x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 1hb. Oktober, 1973.

## Di-Daerah Tutong

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Pegawai Luar di-Pejabat Daerah, Tutong.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Mereka hendak-lah mengetahui sabanyak sedikit mengenai kampong2 di-pendalaman dan sanggup untok bertugas di-kawasan2 pendalaman.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Oktober, 1973.

**MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM**

## PEMBANTU PERTANIAN RENDAH

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Pembantu Pertanian Rendah di-Jabatan Pertanian, Brunei.

**Kelayakan2:**

a) Chalun2 mesti-lah berumor antara 18 dan 25 tahun dan lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran atau pun mempunyai sijil daripada sa-buah Sekolah Pertanian yang di-iktiraf.
b) Mereka mesti-lah boleh bertutor dalam bahasa Melayu.
c) Mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris merupakan satu kelebehan.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3-4 — $230x10-290—15-380/EB/410x20-510-540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Tugas2:**

Chalun2 yang di-pileh akan di-kehendaki menjalani latehan. Tugas2 jawatan ini terutama-nya ia-lah mengenai perkembangan dan kemajuan kaum tani. Chalun2 mungkin di-kehendaki pergi kawasan2 pendalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb. Oktober, 1973.

## Di-Sektor Persendirian

BERIKUT ini ia-lah beberapa kekosongan dalam sektor persendirian di-negeri ini yang di-keluarkan oleh Jabatan Buroh — Bahagian Pertukaran Pekerjaan yang mengehendaki buroh2 atau pekerja2 yang mempunyai kemahiran dan berpengalaman. Pemohon2 yang terdiri dari anak2 tempatan yang ingin memohon kerja2 itu boleh-lah datang ka-Pejabat Buroh Bahagian Pertukaran Pekerjaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 22hb. Ogos, 1973.

**LEE ENTERPRISES CO, P.O. BOX 330 BSB.** — mempunyai satu jawatan kosong sa-bagai **Tukang paip ayer** (paip plumber).

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal membuat kerja2 paip ayer yang di-sifatkan sa-bagai mahir. Boleh membuat kerja2 memberseh septic tank dan lain2 yang serupa.

**Gaji:**

Bergantong kapada pengalaman

**KONG TAI CO, B-2, JALAN ROBERTS, BSB.** — mempunyai satu jawatan kosong sa-bagai **Mekanik Radio & TV.**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman luas dalam memperbaiki radio dan TV.

Chalun2 akan di-temu duga. Bonos juga akan di-beri sa-telah berkhidmat genap sa-tahun.

**Gaji:**

Antara $300.00 hingga $500.00. Bergantong kapada kebolehan dan pengalaman.

**EASTERN TAILOR, P.O. BOX 495, BSB.**

(i) **Tukang membuat baju (kod)** (1 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 10 tahun dalam bidang membuat baju (kod).

(ii) **Tukang memutong baju** (1 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 10 tahun dalam bidang membuat baju (putong memutong).

(iii) **Tutang jahit seluar** (3 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 8 tahun dalam jahit menjahit kain jenis tuit dan jahitan2 yang halus.

(iv) **Tukang jahit biasa** (1 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 6 tahun dalam hal jahit menjahit seluar.

**Gaji:**

Bagi jawatan2 itu bergantong kapada pengalaman dan kemahiran serta kebolehan.

**TAN TAILOR, 58, JALAN BUNGA KUNING, SERIA.**

(i) **Tukang jahit (Memutong).** (1 jawatan). Pemohon2 jawatan ini mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 7 tahun dalam hal putong memutong baju dan seluar.

**Gaji:**

$360.00 sa-bulan.

(ii) **Tukang Jahit** (2 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 6 tahun dalam hal jahit menjahit seluar lelaki.

**Gaji:**

$220.00 sa-bulan.

**SOON LEE BRICKWORKS, SENGKURONG:**

(i) **Brick Burner cum Foreman.** (1 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 10 tahun dalam hal membuat dan menyelenggarakan batu bata. Boleh mengator dan memberi tunjok ajar kapada pekerja2, istimewa dalam chara2 memasak2 batu bata dan sumpama-nya. Pandai berbahasa Melayu dan China ada-hal satu keistimewaan.

(ii) **Pekerja membuat batu bata (brick workers)** (6 jawatan). Pemohon2 hendak-lah saorang yang benar2 berkebolehan dan suka bekerja dan sedia untok bekerja berat membuat batu bata. Sekurang2-nya berpengalaman 4 tahun dalam hal membuat batu bata mempunyai kebolehan dan boleh sedikit2 menjalankan engine dan hendak-lah bekerja dengan rajin.

**Gaji:**

Gaji jawatan2 itu ada-lah bergantong kapada kebolehan dan pengalaman serta kechekapan.

